

Ikan mola mola terdampar

Sinar Harian 24/2/2019 M/S 18

**Pencari remis
terkejut jumpa
seekor ikan laut
dalam gergasi
di tepi pantai**

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Seorang pencari remis terkejut apabila menjumpai seekor ikan laut dalam gergasi dipercayai ikan mola mola terdampar di gigi air di pantai berdekatan jeti star cruise Kampung Meraga Beris, Kijal, di sini, petang kelmarin.

Mahazdir Mohd Nor, 46, menemui ikan itu yang turut dikenali sebagai ikan matahari dan jarang dijumpai di perairan Malaysia kira-kira jam 4 petang.

Mahazdir berkata, kehadiran ikan yang dianggarkan seberat hampir 100 kilogram berke-

naan turut disedari lebih 10 pemancing yang sedang menga-il di jeti berkenaan sebelum ikan itu ditarik ke darat.

"Saya tengah cari remis sebelum tiba-tiba lihat satu objek besar yang dibawa ombak dan terdampar di gigi air.

"Lepas didekati ia sebenarnya seekor ikan matahari dan beberapa pemancing kemudian menarik ikan itu ke darat dari gigi air," katanya.

Menurutnya, ketika dibawa ke darat, ikan itu masih hidup namun usaha mereka untuk menyelamatkan ikan berkenaan gagal kerana ia mati tidak lama kemudiannya.

Kata Mahazdir lagi, semasa ikan berkenaan ditemui air laut sedang surut.

"Seumur hidup saya ini kali pertama jumpa ikan ini di tepi pantai dan ia jadi penemuan pertama ikan ini di jeti ini.

"Ikan matahari ini mungkin dibawa arus dasar laut hingga ia tersesat ke tepi pantai," katanya.

Tambahnya, jeti River Cru-

se itu yang sudah lama tidak digunakan menjadi lokasi memancing terkenal bagi kaki pancing dari dalam dan luar Kemaman.

Di Asia Tenggara, ikan mola mola lazimnya dijumpai di kawasan laut dalam dan air yang sederhana sejuk di Indonesia terutamanya di Bali.


Ikan mola mola adalah ikan bertulang paling berat pernah dijumpai setakat ini dan ia tidak mempunyai ekor tetapi dihujung badannya memiliki sirip menyambung dari atas sampai ke bahagian bawah perut yang disebut 'calvus'.

Berdasarkan carian menerusi internet, ikan mola-mola terbesar yang pernah diukur mencapai ukuran panjang hingga tiga meter dengan berat antara dua hingga tiga tan.

Ikan itu mendapat nama dari perkataan mola yang berasal dari bahasa latin bererti batu giling yang berbentuk bulat dan pipih (leper) jadi nama mola mola merujuk kepada bentuk



Ikan mola mola yang ditemui mempunyai ukuran panjang hampir satu meter.



Pemancing melihat ikan mola mola yang terdampar di kawasan pantai dekat jeti River Cruise Kampung Meraga Beris, Kijal, Kemaman.

tubuh ikan tersebut yang seperti batu giling.

Ia juga dipanggil ikan matahari kerana gemar berjemur di permukaan air laut untuk menghangatkan tubuhnya dan pada masa sama, parasit yang melekat pada tubuhnya turut hilang apabila dimakan ikan-ikan terumbu karang yang mengelilinginya ketika sedang berjemur.